

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4 / 1994

NAMA-NAMA WARITH YANG TERDEKAT MENGIKUT TERTIBNYA

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan tentang senarai nama-nama warith yang terdekat mengikut tertibnya. Ta'asib dalam Ilmu Faraid ialah mengambil semua pesaka ketika simati tiada warith yang mengambil Fardhu atau seberapa yang lebih jika ada warith-warith yang mengambil Fardhu. Terkandung ada juga tidak dapat langsung ketika ahli-ahli Fardhu telah menghabisi semua pesaka.

2. Orang-orang yang mendapat A'sbah ialah:-
 - 2.1. Anak lelaki.
 - 2.2. Cucu lelaki daripada anak lelaki hingga kebawah.
 - 2.3. Bapa
 - 2.4. Datuk lelaki hingga keatas.
 - 2.5. Saudara lelaki seibu sebapa
 - 2.6. Saudara lelaki sebapa
 - 2.7. Anak saudara lelaki daripada saudara lelaki seibu sebapa.
 - 2.8. Anak saudara lelaki daripada saudara lelaki sebapa
 - 2.9. Bapa saudara seibu sebapa.
 - 2.10. Bapa saudara sebapa.
 - 2.11. Anak bapa saudara seibu sebapa (sepupu).
 - 2.12. Anak bapa saudara sebapa (sepupu sebelah bapa).
 - 2.13. Tuan atau puan yang memerdekakan hamba
 - 2.14. Sekalian A'sbah kepada tuan atau puan yang memerdekakan hamba itu.

2.15 Baitulmal

3. Tujuan Pekeliling ini untuk dibuat rujukan dan memberi kefahaman kepada semua Pentadbir Tanah semasa dibuat penyelesaian pesaka atau menentukan warith-warith yang layak dalam urusan pemberianmilik tanah atau pindahmilik tanah kepada warith-warith yang terdekat.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pengeluarannya.

t.t

(Khalid bin Kadir)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

FAIL: PTG.KN.4485/(52)

FAIL: PTG.KN.4749/PT.5(4)

BERTARIKH: 31 MEI 1994